Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
槟城消费人协会 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

*Websites:*
www.consumer.org.my

**Kenyataan Akhbar** **14 Ogos 2017**

## PERCEPATKAN PENARIKAN BALIK MINUMAN KORDIAL RIBENA®

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) amat prihatin mengenai penarikan balik beberapa produk RIBENA® oleh pengeluarnya baru-baru ini.

Menurut pihak pengeluar, penarikan balik melibatkan produk dan tempoh tamat seperti berikut:

| **RIBENA® perisa (semua saiz)** | **Tarikh luput** |
|---|---|
| RIBENA® Blackcurrant Cordial | Mei hingga Ogos 2018 |
| RIBENA® Blackcurrant & Glucose | Mei hingga Ogos 2018 |
| RIBENA® Blackcurrant & Strawberry | Februari hingga Ogos 2018 |
| RIBENA® Blackcurrant & Blueberry | Februari hingga Ogos 2018 |
| RIBENA® Blackcurrant & Apple | April hingga Mei 2018 |

Kami ingin mengetahui jika penarikan balik telah bermula kerana sesetengah peruncit memberikan diskaun untuk produk itu dalam minggu pertama Ogos.

Kami menggesa pihak berkuasa supaya mengeluarkan semua produk yang terjejas itu daripada rak dan mengumumkannya kepada orang ramai dengan seberapa yang segera.

Pengguna yang telah pun membeli produk ini perlu mengembalikannya semula dan mendapatkan bayaran balik daripada kedai di mana mereka telah membelinya.

Sebaliknya, kami menggesa supaya pengguna meminum jus buahan segar bukannya kordial yang dipenuhi dengan gula dan 'jus buahan' dalam kotak atau botol.

**S. M. Mohamed Idris**
**Presiden**
**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**

Marketing Section: 10 Jalan Padang Tembak, 11400 Air Itam, Pulau Pinang, Malaysia. Tel: 604-8283511